



## SIARAN AKHBAR

### PANGGILAN PALSU YANG MENGGUNAKAN NAMA BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah mendapati beberapa orang awam telah menerima panggilan telefon daripada individu-individu yang menyamar kononnya ada kaitan dengan BDCB. Pemanggil bertujuan untuk mendapatkan butiran peribadi dan perbankan dengan niat untuk mendapatkan keuntungan kewangan daripada para mangsa.
2. BDCB ingin mengingatkan orang ramai bahawa BDCB tidak akan menghubungi orang ramai secara langsung untuk meminta maklumat peribadi atau perbankan melalui telefon. Orang ramai disarankan untuk sentiasa berwaspada terhadap penipuan kewangan melalui telefon dan dinasihatkan untuk mengabaikan panggilan masuk daripada nombor-nombor yang tidak dikenali, sama ada tempatan atau antarabangsa, terutamanya jika awda tidak menunggu sebarang panggilan. Orang ramai juga diingatkan untuk:
  - 2.1. Sentiasa berhati-hati apabila menjawab panggilan dengan tidak sengaja daripada nombor yang tidak dikenali;
  - 2.2. Jangan mendedahkan maklumat peribadi melalui telefon, terutamanya maklumat berkaitan dengan urusan perbankan. Ini juga termasuk:
    - Butiran pengenalan diri (seperti nombor kad pengenalan atau/dan paspot);
    - Butiran ATM, kad kredit dan debit termasuk nombor-nombor PIN dan CVC/CVV; dan
    - Nama pengguna atau kata laluan dalam talian (*online usernames or passwords*).
  - 2.3. Jangan memindah atau mengirim wang kepada organisasi-organisasi atau individu yang tidak dikenali di dalam dan luar negara.
3. BDCB ingin menegaskan bahawa sesiapa yang menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau gambaran BDCB yang serupa tanpa kebenaran bertulis atau menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau lambang BDCB yang serupa atau menyerupai nama, simbol, rekabentuk atau lambang BDCB untuk memperdaya/menipu atau menyebabkan kekeliruan atau berkemungkinan untuk memperdaya/menipu atau menyebabkan kekeliruan merupakan kesalahan di bawah Bab 74A Perintah Brunei Darussalam Central Bank, 2010. Jika disabit kesalahan, hukuman denda tidak melebihi BND20,000, penjara tidak melebihi tujuh tahun, atau kedua-duanya sekali boleh dijatuhkan.

4. BDCB ingin menasihatkan orang ramai untuk terus berwaspada dan berhati-hati apabila menerima sebarang bahan komunikasi yang kononnya dikeluarkan oleh BDCB dengan menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau lambang BDCB untuk memohon pembayaran atau butiran peribadi. Jika menerima bahan komunikasi berkaitan BDCB yang disyaki palsu, orang ramai bolehlah mendapatkan pengesahan dengan menghubungi BDCB melalui talian 8318388 atau melalui emel [info@bdcb.gov.bn](mailto:info@bdcb.gov.bn).
5. BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam.

**Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 20 Syawal 1444H / 11 Mei 2023M

Rujukan: BDCB/COMMS/3

---

Brunei Darussalam Central Bank mempunyai empat objektif utama iaitu untuk: mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan, melalui peraturan kewangan dan piawaian yang berhemat; membantu dalam mengadakan sistem pembayaran yang cekap; dan menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh serta progresif.